



PENYATA KEWANGAN

KANDUNGAN

Laporan Pengarah	2
Polisi-polisi Perakaunan yang Penting	5
Akaun Untung Rugi	8
Kunci Kira-kira	9
Penyata Aliran Tunai yang Disatukan	10
Catatan kepada Akaun	11
Penyata Pengarah-pengarah	33
Surat Sumpah	33
Laporan Juruaudit	34
Perangkaan Pemegang Saham	35
Senarai 20 Pemegang Saham Utama	36
Nilai Buku Bersih Bangunan dan Tanah	37
Kegunaan Harta	38
Borang Proksi	
Maklumat untuk Pemegang Saham dan Pelabur	



LAPORAN PENGARAH bagi tahun berakhir 31 Disember 1999

1. Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka dan akaun Kumpulan serta akaun Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 1999.

KEGIATAN UTAMA

2. Kegiatan utama Syarikat dalam tahun ini ialah menubuh, menyelenggara dan menyediakan kemudahan telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam catatan 17 kepada akaun. Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun.

KEPUTUSAN

3. Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat untuk tahun ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM(juta)	Syarikat RM(juta)
Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti	819.1	1,336.4
Dividen (dikecualikan Cukai Pendapatan Malaysia)	(305.0)	(305.0)
Keuntungan tersimpan untuk tahun ini	514.1	1,031.4

4. Pada pendapat Pengarah-pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun ini tidak terjejas dengan berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa.

DIVIDEN

5. Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, dividen-dividen yang telah dibayar, diumumkan atau dicadangkan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

	RM(juta)
(a) Bagi tahun berakhir 31 Disember 1998, seperti yang dicadangkan di dalam Laporan Pengarah untuk tahun tersebut, dividen akhir sebanyak 10.0% selepas penolakan cukai telah dibayar pada 14 Jun 1999.	216.0
(b) Bagi tahun berakhir 31 Disember 1999, dividen akhir sebanyak 10.0% dicadangkan (dikecualikan Cukai Pendapatan Malaysia).	305.0

SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA (SKIM OPSYEN)

6. Skim Opsyen Saham Pekerja (Skim Opsyen) telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 28 Mac 1997. Di sepanjang tahun ini, tiada opsyen baru telah diberikan di bawah Skim Opsyen.

Pada 31 Disember 1999, opsyen untuk melanggan 206,000 dan 190,731,000 saham biasa pada RM1 setiap satu masing-masing bernilai RM7.80 dan RM10.50 sesaham masih lagi belum dilaksanakan. Skim Opsyen ini berkuatkuasa sehingga April 2002. Opsyen ini tidak memberi sebarang hak untuk menyertai dalam mana-mana penerbitan skim opsyen saham syarikat lain.

MODAL SAHAM

7. Di dalam tahun ini, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar penuh telah meningkat dengan penerbitan 26,967,500 saham biasa RM1 setiap satu pada harga tawaran RM10.50 sesaham dan penerbitan 2,183,000 saham biasa RM1 setiap satu pada harga tawaran RM7.80 sesaham di bawah Skim Opsyen. Saham-saham ini bertaraf "pari passu" dalam semua aspek berhubung dengan kesemua saham biasa Syarikat yang sedia ada.

BON-BON BOLEH TUKAR

8. Pada 31 Disember 1999, Syarikat mempunyai USD359.9 juta Bon-bon Boleh Tukar matang 2004 yang masih lagi belum ditukarkan. Bon-bon ini boleh ditukar kepada saham biasa berbayar penuh Syarikat bernilai RM1 sesaham pada harga tukaran asas RM15.60 sesaham dan dengan kadar pertukaran tetap pada RM2.5553 bersamaan USD1, pada atau selepas 3 November 1994 sehingga dan termasuk 26 September 2004. Bon-bon ini sekiranya tidak ditukar, akan ditebus pada 3 Oktober 2004 pada amaun pokok. Bon-bon ini juga boleh ditebus oleh Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 21 Oktober 1999 pada amaun pokok, termasuk faedah terakru.

PERUBAHAN KE ATAS RIZAB DAN PERUNTUKAN

9. Kesemua pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun telah dinyatakan di dalam akaun.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

10. Sebelum akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk:
- menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan hapuskira hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu dan berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapusira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
 - memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak dapat diperolehi nilai bukunya melalui urusniaga biasa telah dikurangkan ke nilai yang dijangka boleh diperolehi.
11. Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang:
- boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapusira atau jumlah hutang ragu yang diperuntukkan dalam akaun Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi ke tahap yang akan menyebabkan nilai aset semasa dalam Kumpulan dan Syarikat ini mengelirukan; dan
 - telah timbul di mana boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.
12. Dalam tempoh berakhirnya tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini disediakan:
- tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa keadaannya telah timbul di mana, pada pendapat Pengarah-pengarah akan menjejaskan hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan di mana laporan ini dibuat; dan
 - tiada sebarang cagaran telah timbul ke atas harta mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin tanggungan pihak lain dan tidak wujudnya sebarang tanggungan kontingen di dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.
13. Tiada tanggungan kontingen atau lain-lain tanggungan mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang telah atau akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, di mana pada pendapat Pengarah-pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari untuk menjelaskan tanggungan-tanggungan tersebut apabila tiba masanya selain daripada yang dinyatakan dalam catatan 31 kepada akaun.
14. Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang mana jika tidak diambilkira dalam laporan atau akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat akan menyebabkan amaun yang dinyatakan dalam akaun-akaun ini mengelirukan.

PENGARAH-PENGARAH

15. Pengarah-pengarah yang telah berkhidmat dari tarikh laporan lepas ialah:

Pengarah-pengarah

Dato' Ir Muhammad Radzi bin Haji Mansor
(dilantik pada 12/7/1999)
Datuk Wira Mohamed Said bin Mohamed Ali
Dato' Dr Abdul Rahim bin Haji Daud
Datuk Nuraizah bt Abdul Hamid

YB Joseph Salang Gandum
K.P. Ramanathan Menon
Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin
Haji Ahmad Kamal bin Abdullah Al-Yafii
Kunaseelan a/IJ. Govindasamy
Ng Wang @ Ng Chiang Chin
Dr Syed Muhamad bin Syed Abdul Kadir
(dilantik pada 21/12/1999)
Dato' Ali bin Hassan
(meletak jawatan pada 12/7/1999)
Dato' Syed Danial bin Syed Ahmad
(meletak jawatan pada 21/12/1999)

Pengarah-pengarah Gantian

Dr Abdul Halim bin Shafie
(dilantik pada 11/3/1999)
Dato' Shaik Ahmad Soekarno bin Shaik Mohd. Hussain
(meletak jawatan pada 11/3/1999)

Mohammad Zanudin bin Ahmad Rasidi
(dilantik pada 28/12/1999)

Ibrahim Mahaludin bin Puteh
(meletak jawatan pada 21/12/1999)

16. Mengikut Artikel 98 kepada Tataurusyen Syarikat, Dato' Ir Muhammad Radzi bin Haji Mansor dan Dr Syed Muhamad bin Syed Abdul Kadir bersara daripada Lembaga pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-Limabelas dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.
17. Mengikut Artikel 103 kepada Tataurusyen Syarikat, Datuk Nuraizah bt Abdul Hamid dan YB Joseph Salang Gandum bersara daripada Lembaga pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-Limabelas dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

KEPENTINGAN PENGARAH

18. Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah-pengarah, kepentingan dalam saham-saham Syarikat sepanjang tahun bagi Pengarah-pengarah pada akhir tahun ini adalah seperti berikut:

Bilangan saham biasa RM1 sesaham

	Baki pada 1.1.99/ Pada tarikh peralihan	Belian	Jualan	Baki pada 31.12.99
Dato' Ir Muhammad Radzi bin Haji Mansor	123,500	-	-	123,500
Datuk Wira Mohamed Said bin Mohamed Ali	75,000	-	-	75,000
Dato' Dr Abdul Rahim bin Haji Daud	12,000	-	-	12,000
YB Joseph Salang Gandum	15,000	-	-	15,000
K.P. Ramanathan Menon	15,000	-	-	15,000
Haji Ahmad Kamal bin Abdullah Al-Yafii	15,000	-	-	15,000

19. Mengikut Daftar Pegangan Saham Pengarah-pengarah, tiada Pengarah-pengarah lain yang mempunyai sebarang kepentingan secara langsung atau tidak langsung di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun. Sehingga akhir tahun, tiada Pengarah-pengarah Syarikat mempunyai kepentingan di dalam saham syarikat-syarikat subsidiari.


FAEDAH-FAEDAH PENGARAH

20. Sejak akhir tahun lepas, tiada Pengarah-pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang faedah (selain daripada yang dinyatakan dalam catatan 2 kepada akaun) dari kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau merupakan seorang ahli atau dengan syarikat yang beliau mempunyai pengaruh kepentingan kewangan.
21. Samada di sepanjang atau pada akhir tahun ini, Syarikat atau mana-mana syarikat berkaitan tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan Pengarah-pengarah mendapat faedah melalui pengambilalihan saham atau debentur milik Syarikat atau lain-lain perbadanan korporat.


JURUAUDIT

22. Juruaudit, Tetuan PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan khidmat mereka.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



DATO' IR MUHAMMAD RADZI BIN HAJI MANSOR
Pengerusi



DATUK WIRA MOHAMED SAID BIN MOHAMED ALI
Ketua Eksekutif

Kuala Lumpur
Tarikh: 29 Februari 2000



POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

1. ASAS PENYEDIAAN AKAUN-AKAUN

Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah sejajar dengan Piawaian Perakaunan yang berkenaan dan diluluskan di Malaysia serta peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

2. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat dalam tahun ini ialah menubuh, menyelenggara dan menyediakan kemudahan telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam catatan 17 kepada akaun. Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun.

3. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat subsidiari adalah syarikat yang mana Kumpulan menguasai komposisi Lembaga Pengarahnya dan lebih dari separuh kuasa mengundinya dan/atau memegang lebih dari separuh modal saham biasa yang diterbitkan.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan untuk rosotnilai yang kekal.

Penyatuan Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-kira termasuk akaun-akaun Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Keputusan bagi syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual di sepanjang tahun ini telah diambilkira dalam Akaun Untung Rugi yang disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh penjualan. Urusniaga-urusniaga di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan.

4. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Syarikat bersekutu adalah syarikat yang mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% dan di mana Kumpulan berkedudukan untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi termasuk perwakilan di dalam Lembaga Pengarah.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan untuk rosotnilai yang kekal.

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu telah diambilkira dalam Akaun Untung Rugi yang disatukan dan bahagian Kumpulan dalam keuntungan tersimpan serta rizab selepas pengambilalihan adalah dicampurkan di dalam kos pelaburan di dalam Kunci Kira-kira yang disatukan. Jumlah ini diambil dari akaun yang telah diaudit dan telah disediakan sehingga tarikh tidak melebihi enam bulan sebelum tarikh akaun Syarikat, ataupun akaun pengurusan yang disediakan sehingga tarikh akaun Syarikat sekiranya akaun yang telah diaudit tidak dapat diperolehi bagi setiap syarikat-syarikat yang berkenaan. Pelarasan yang perlu telah dibuat ke atas akaun syarikat-syarikat bersekutu untuk mengambilkira sebarang perbezaan dari polisi perakaunan Kumpulan.

5. IHSAN DARI PENYATUAN

Ihsan yang timbul dari penyatuan merupakan lebihan harga belian atas nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu pada tarikh pengambilalihan. Ianya dihapuskirakan kepada keuntungan tersimpan di dalam tahun pengambilalihan.

6. PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil kendalian mewakili hasil yang diperolehi daripada penjualan barangan dan perkhidmatan setelah mengambilkira pulangan dan bayaran duti serta cukai. Hasil kendalian diambilkira atau diakru apabila peruntukan bagi barangan dan perkhidmatan dibuat.

Pendapatan dividen daripada pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu telah diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi Syarikat, pada masa diumumkan atau dicadangkan. Dividen daripada lain-lain pelaburan diambilkira apabila hak untuk menerima pembayaran dibuktikan.

Faedah pendapatan termasuk faedah daripada deposit di bank dan diambilkira berdasarkan asas akru.

7. ASET TETAP DAN SUSUTNILAI

Aset tetap adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul.

(i) Kos

Kos bagi rangkaian telekomunikasi mengandungi perbelanjaan sehingga dan termasuk titik agihan yang akhir sebelum perkarangan pelanggan dan termasuk kos kontraktor, bahan-bahan, tenaga buruh dan overhead yang berkaitan. Kos untuk lain-lain aset tetap mengandungi kos belian dan sebarang kos sampingan perolehan.

(ii) Susutnilai

Tanah milik bebas tidak dikenakan susutnilai. Tanah pajakan diperlunaskan di sepanjang tempoh pajakan. Lain-lain aset tetap dikenakan susutnilai mengikut kaedah garis lurus dari tarikh ianya sedia digunakan semata-mata untuk menghapuskan kos aset di sepanjang anggaran hayat gunanya.

Anggaran hayat guna bagi aset tetap (dalam tahun) adalah seperti berikut:

Rangkaian telekomunikasi	3 - 20
Harta bergerak	5
Lain-lain aset dan peralatan	8
Sistem sokongan komputer	3 - 5
Bangunan	5 - 40

Untuk lain-lain tanah yang dinyatakan dalam catatan 16(a) kepada akaun, sementara menunggu keputusan dari pihak berkuasa berkenaan dengan tempoh pegangan pajakan tanah-tanah ini, pelunasan telah diperuntukkan pada jumlah anggaran RM0.3 juta setahun.

8 INVENTORI

Inventori kebanyakannya mengandungi item-item untuk kerja-kerja modal dan pengendalian. Inventori dinyatakan pada kos tolak peruntukan keusangan. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar.

9. PENGHUTANG

Hutang lapuk dihapuskan dan peruntukan khusus dibuat untuk hutang-hutang yang dianggap kutipannya meragukan. Sebagai tambahan, peruntukan am dibuat berdasarkan peratus penghutang perniagaan untuk melindungi kemungkinan rugi yang tidak dapat dikenalpasti.

10. PELABURAN

I. Pelaburan dalam Organisasi Satelit Antarabangsa

Penglibatan Syarikat di dalam Organisasi Satelit Intelsat, Inmarsat dan ICO Global Communications Ltd. diambilkira sebagai pelaburan. Pegangan pelaburan adalah di dalam Dolar Amerika dan penilaian Kunci Kira-kira adalah berasaskan kepada peratus pegangan saham Syarikat pada tarikh Kunci Kira-kira dan telah dialihkan ke Ringgit Malaysia mengikut tarikh tersebut. Sebarang penambahan atau pengurangan di dalam nilai pelaburan ini dipindahkan ke Rizab Perubahan Pertukaran. Kegiatan utama organisasi-organisasi tersebut di atas adalah peruntukan muatan satelit untuk ahli-ahli ekuiti.

II. Lain-lain pelaburan

(i) Pelaburan dalam saham yang disebut harga adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran.

(ii) Pelaburan dalam saham yang tidak disebut harga adalah dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk sebarang rosotnilai yang kekal.

11. KOS-KOS PEMBIAYAAN

Kos-kos yang wujud berkaitan dengan pembiayaan pembinaan dan pemasangan aset-aset tetap dipermodalkan sehingga aset-aset berkenaan sedia untuk digunakan. Lain-lain kos pembiayaan adalah diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi.

12. CUKAI TERTUNDA

Peruntukan dibuat bagi cukai tertunda menggunakan kaedah tanggungan ke atas kesemua perbezaan masa yang nyata kecuali kesan cukai dari penundaan itu dianggap berkemungkinan akan berterusan di masa-masa depan.

13. BON-BON

Bon-bon termasuk nota-nota dan debentur-debentur yang diterbitkan oleh Syarikat adalah dinyatakan pada perolehan bersih yang diterima dari penerbitan. Kos-kos pembiayaan yang merupakan perbezaan di antara perolehan bersih dan jumlah amaun pembayaran Bon-bon adalah diagihkan di sepanjang tempoh jangkamasa Bon pada kadar tetap di atas jumlah baki dan diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi.

Untuk Bon-bon Boleh Tukar, jumlah yang diambilkira di dalam dana pemegang saham bagi saham-saham yang diterbitkan apabila pertukaran dibuat adalah jumlah tanggungan bagi Bon-bon pada tarikh pertukaran. Tiada keuntungan atau kerugian akan diambilkira semasa pertukaran.

14. INSTRUMEN LINDUNGNILAI DERIVATIF KEWANGAN

Instrumen lindungnilai derivatif kewangan digunakan dalam pengurusan risiko Syarikat terhadap pendedahan matawang asing dan kadar faedah kepada tanggungan kewangannya. Prinsip-prinsip perakaunan lindungnilai digunakan dalam perakaunan pendedahan terlindung dan instrumen-instrumen lindungnilainya. Tanggungan matawang asing yang terlindung ditukarkan dengan kadar tukaran terlindungnilai masing-masing dan perbezaan resit dan bayaran faedah yang timbul daripada instrumen derivatif diakrakan supaya dapat memadamkan perbezaan bersih dengan perbelanjaan berkaitan mengenai tanggungan lindungnilai. Tiada sebarang amaun diiktiraf berhubung tempoh masa depan.

15. FAEDAH PERSARAAN

Syarikat telah menubuhkan tabung amanah faedah persaraan yang diluluskan bagi faedah persaraan yang ditetapkan untuk pekerja-pekerja yang layak di bawah Skim Faedah Persaraan Telekom Malaysia. Tabung ini dinilai pada setiap tiga tahun oleh aktuari bebas yang bertauliah yang juga akan mencadangkan kadar caruman kenabayar.

Kos untuk memperuntukkan faedah persaraan dicajkan kepada keuntungan secara sistematik supaya ianya mencukupi bagi memenuhi tanggungan skim di sepanjang tempoh perkhidmatan masa depan pekerja-pekerja yang sedia ada. Perbezaan di antara jumlah yang dicajkan ke Akaun Untung Rugi dan jumlah pembayaran kepada tabung adalah dianggap sebagai tanggungan tertunda.

16. MATAWANG ASING

Aset-aset dan tanggungan di dalam matawang asing telah ditukar ke Ringgit Malaysia mengikut kadar penutupan pertukaran pada tarikh Kunci Kira-kira dan urusan dalam matawang asing di dalam Akaun Untung Rugi telah ditukar mengikut kadar pada tarikh urusan.

Perbezaan pertukaran matawang asing yang timbul dari butiran matawang asing jangka panjang adalah ditunda dan diambilkira dalam pendapatan semasa dan masa depan secara sistematik sepanjang usia butiran kewangan yang berkaitan. Kerugian pertukaran butiran matawang asing tidak ditunda jika kerugian pertukaran dijangka akan berlaku ke atas butiran matawang asing berkenaan di masa depan. Bahagian perbezaan pertukaran yang ditunda adalah dinyatakan dalam Rizab Perubahan Pertukaran.

Akaun syarikat subsidiari di luar negara telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar penutupan pertukaran pada tarikh Kunci Kira-kira. Perbezaan pertukaran yang timbul dari urusan ini dinyatakan dalam Rizab Perubahan Pertukaran.

Lain-lain keuntungan atau kerugian pertukaran matawang asing adalah diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi.

17. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

Tunai mengandungi tunai di tangan dan baki dengan institusi kewangan berlesen. Bersamaan tunai adalah pelaburan jangka pendek yang mudah cair dan sedia ditukarkan kepada jumlah tunai tertentu serta terdedah kepada risiko yang rendah pada perubahan dalam nilai, tolak bank overdraf.

Polisi-polisi perakaunan ini merupakan sebahagian dari akaun-akaun yang dibentangkan pada muka surat 8 hingga 32.



AKAUN UNTUNG RUGI bagi tahun berakhir 31 Disember 1999

Telekom Malaysia Berhad (128740 - P)
(Diperbadankan di Malaysia)

Amaun adalah di dalam RM juta kecuali jika dinyatakan sebaliknya	Catatan	Kumpulan		Syarikat	
		1999 RM	1998 RM	1999 RM	1998 RM
HASIL KENDALIAN	1	7,833.0	7,980.1	7,049.6	7,392.4
KOS KENDALIAN	2	(6,729.5)	(6,279.0)	(5,453.5)	(5,648.7)
KEUNTUNGAN KENDALIAN		1,103.5	1,701.1	1,596.1	1,743.7
PENDAPATAN BUKAN KENDALIAN	3	75.6	73.4	218.2	133.3
KOS PEMBIAYAAN BERSIH	4	(495.4)	(327.8)	(477.9)	(326.0)
KEUNTUNGAN KENDALIAN BERSIH		683.7	1,446.7	1,336.4	1,551.0
BAHAGIAN KEUNTUNGAN TOLAK KERUGIAN SYARIKAT BERSEKUTU		200.5	222.2	-	-
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		884.2	1,668.9	1,336.4	1,551.0
CUKAI	5	(64.0)	(651.5)	-	(477.1)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		820.2	1,017.4	1,336.4	1,073.9
KEPENTINGAN MINORITI		(1.1)	(26.3)	-	-
KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIAGIHKAN KEPADA PEMEGANG SAHAM		819.1	991.1	1,336.4	1,073.9
DIVIDEN	6	(305.0)	(216.0)	(305.0)	(216.0)
KEUNTUNGAN TERSIMPAN UNTUK TAHUN INI	10	514.1	775.1	1,031.4	857.9
PEROLEHAN SESAHAM	7	27.2 sen	33.0 sen		

Akaun Untung Rugi di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Polisi-polisi Perakaunan yang Penting di muka surat 5 hingga 7 dan catatan-catatan kepada akaun di muka surat 11 hingga 32.

Laporan Juruaudit - Muka surat 34.



KUNCI KIRA-KIRA pada 31 Disember 1999

Telekom Malaysia Berhad (128740 - P)
(Diperbadankan di Malaysia)

Amaun adalah di dalam RM juta kecuali jika dinyatakan sebaliknya	Catatan	Kumpulan		Syarikat	
		1999 RM	1998 RM	1999 RM	1998 RM
MODAL SAHAM	8	3,028.2	2,999.0	3,028.2	2,999.0
PREMIUM SAHAM	9	1,378.3	1,107.2	1,378.3	1,107.2
RIZAB	10	8,215.3	7,919.7	11,034.0	9,869.8
JUMLAH MODAL DAN RIZAB		12,621.8	12,025.9	15,440.5	13,976.0
KEPENTINGAN MINORITI		181.0	177.9	-	-
Bon Boleh Tukar	11	1,350.0	1,346.3	1,350.0	1,346.3
Pinjaman	12	6,162.0	5,589.1	6,054.4	5,464.1
Deposit pelanggan	13	650.5	653.4	594.7	591.8
Cukai tertunda	14	9.9	6.4	-	-
Faedah persaraan	15	161.0	160.6	160.6	160.5
TANGGUNGAN JANGKA PANJANG DAN TERTUNDA		8,333.4	7,755.8	8,159.7	7,562.7
		21,136.2	19,959.6	23,600.2	21,538.7
ASET TETAP	16	19,144.8	18,871.9	16,529.4	16,374.8
SYARIKAT SUBSIDIARI	17	-	-	5,569.1	4,525.2
SYARIKAT BERSEKUTU	18	1,467.3	1,394.7	118.4	99.5
PELABURAN	19	223.3	289.3	216.8	289.3
PENGHUTANG JANGKA PANJANG	20	654.4	661.6	654.4	659.8
Inventori	21	186.0	215.4	120.4	168.6
Penghutang perniagaan	22	1,946.1	2,223.6	1,954.7	1,909.8
Lain-lain penghutang dan bayaran terdahulu		980.0	1,088.0	896.2	844.2
Pelaburan jangka pendek	23	170.1	163.5	170.1	163.5
Wang tunai dan bersamaan tunai	24	1,036.6	911.3	896.3	741.8
ASET SEMASA		4,318.8	4,601.8	4,037.7	3,827.9
Pemiutang perniagaan		1,889.5	2,242.7	1,601.8	1,797.6
Pinjaman	12	547.5	963.6	102.4	173.9
Lain-lain pemiutang dan tanggungan terakru	25	783.9	746.4	380.2	392.2
Cukai		1,146.5	1,691.0	1,136.2	1,658.1
Dividen dicadangkan		305.0	216.0	305.0	216.0
TANGGUNGAN SEMASA		4,672.4	5,859.7	3,525.6	4,237.8
(TANGGUNGAN) / ASET SEMASA BERSIH		(353.6)	(1,257.9)	512.1	(409.9)
		21,136.2	19,959.6	23,600.2	21,538.7

Kunci Kira-kira di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Polisi-polisi Perakaunan yang Penting di muka surat 5 hingga 7 dan catatan-catatan kepada akaun di muka surat 11 hingga 32.

Laporan Juruaudit - Muka surat 34.



PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN bagi tahun berakhir 31 Disember 1999

Telekom Malaysia Berhad (128740 - P)
(Diperbadankan di Malaysia)

**Amaun adalah di dalam RM juta
kecuali jika dinyatakan sebaliknya**

	Catatan	1999 RM	1998 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN	26	2,861.9	3,210.0
ALIRAN TUNAI YANG DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN	27	(2,768.9)	(4,328.6)
ALIRAN TUNAI DARIPADA / (YANG DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN	28	68.6	(335.6)
<hr/>			
PERTAMBAHAN / (PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI		161.6	(1,454.2)
KESAN DARI PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		(36.3)	16.2
		911.3	2,349.3
<hr/>			
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	24	1,036.6	911.3

Penyata Aliran Tunai yang Disatukan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Polisi-polisi Perakaunan yang Penting di muka surat 5 hingga 7 dan catatan-catatan kepada akaun di muka surat 11 hingga 32.

Laporan Juruaudit - Muka surat 34.



CATATAN KEPADA AKAUN pada 31 Disember 1999

Telekom Malaysia Berhad (128740 - P)
(Diperbadankan di Malaysia)

Amaun adalah di dalam RM juta kecuali jika dinyatakan sebaliknya	Kumpulan		Syarikat	
	1999 RM	1998 RM	1999 RM	1998 RM
1. HASIL KENDALIAN				
Panggilan				
Perniagaan	2,627.2	3,009.0	2,487.0	2,939.2
Kediaman	1,771.7	1,840.6	1,771.7	1,786.4
Selular	414.4	497.5	179.1	310.7
Jumlah Kecil	4,813.3	5,347.1	4,437.8	5,036.3
Sewa				
Perniagaan	499.5	450.6	480.6	449.5
Kediaman	740.9	733.5	740.9	733.5
Selular	210.6	160.8	3.6	27.0
Jumlah Kecil	1,451.0	1,344.9	1,225.1	1,210.0
Lain-lain				
Perniagaan	59.8	127.8	59.8	120.4
Kediaman	72.4	84.5	72.4	84.5
Selular	93.6	41.9	0.8	7.4
Jumlah Kecil	225.8	254.2	133.0	212.3
Jumlah				
Perniagaan	3,186.5	3,587.4	3,027.4	3,509.1
Kediaman	2,585.0	2,658.6	2,585.0	2,604.4
Selular	718.6	700.2	183.5	345.1
Jumlah Telefon	6,490.1	6,946.2	5,795.9	6,458.6
Perkhidmatan Litar Suwa	600.5	553.1	865.7	725.3
Teleks	14.5	16.2	13.9	15.4
Maypac	18.6	18.5	18.5	18.3
Lain-lain Perkhidmatan	179.7	138.1	179.7	98.4
Pelbagai	529.6	308.0	175.9	76.4
Jumlah Bukan Telefon	1,342.9	1,033.9	1,253.7	933.8
JUMLAH HASIL KENDALIAN	7,833.0	7,980.1	7,049.6	7,392.4

Pelbagai termasuk hasil terutamanya hasil yang diperolehi dari kerja-kerja berbayar dan menyelenggara, pengurusan hartanah, pendidikan, percetakan dan penerbitan buku panduan telefon.

2. KOS KENDALIAN

	Kumpulan 1999 RM	1998 RM	Syarikat 1999 RM	1998 RM
Susutnilai	2,469.2	2,528.8	2,177.7	2,367.4
Tenaga pekerja	952.1	770.7	801.7	667.6
Bekalan dan inventori	234.9	275.0	214.7	216.7
Kerugian bersih ke atas pertukaran asing	235.1	157.5	234.4	138.5
Hutang lapuk dan hutang ragu	539.0	420.5	328.3	359.0
Sewa tanah dan bangunan	83.3	82.5	94.9	99.5
Faedah persaraan	39.5	58.3	39.2	58.1
Yuran lesen kendalian	25.0	18.9	12.5	13.4
Lain-lain perbelanjaan sewa	68.2	69.5	62.1	63.9
Sewa pajak peralatan	15.1	7.2	22.1	22.1
Pelarasan semula rosotnilai dalam nilai pelaburan yang disebuttharga (Pelarasan semula) / peruntukan untuk rosotnilai dalam nilai sebuah syarikat bersekutu	(15.9) (9.0)	(20.0) 9.0	(15.9) -	(20.0) -
Lain-lain kos kendalian	2,093.0	1,901.1	1,481.8	1,662.5
JUMLAH KOS KENDALIAN	6,729.5	6,279.0	5,453.5	5,648.7

Imbuan Pengarah-pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 untuk Kumpulan ialah RM1,501,916 (1998: RM1,533,649) yang terdiri dari yuran sebanyak RM230,106 (1998: RM368,201) dan lain-lain imbuan sebanyak RM1,271,810 (1998: RM1,165,448).

Imbuan Pengarah-pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 untuk Syarikat ialah RM1,044,426 (1998: RM974,473) yang terdiri dari yuran sebanyak RM158,141 (1998: RM160,200) dan lain-lain imbuan sebanyak RM886,285 (1998: RM814,273).

Anggaran nilai faedah kewangan untuk Pengarah-pengarah berjumlah RM146,348 (1998: RM132,254) untuk Kumpulan dan Syarikat.

Yuran-yuran yang dibayar kepada sebuah firma di sepanjang tahun di mana Pengarah adalah seorang rakankongsi sebanyak RM78,375 (1998: RM2,226,328).

Ganjaran juruaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 untuk Kumpulan ialah RM853,386 (1998: RM790,909) termasuk RM330,000 (1998: RM330,000) untuk Syarikat.

3. PENDAPATAN BUKAN KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	1999 RM	1998 RM	1999 RM	1998 RM
Pendapatan sewa dari bangunan	5.3	8.5	16.2	8.1
Keuntungan di atas penjualan pelaburan jangka pendek	9.1	6.4	9.1	6.0
Penjualan barangan usang	6.6	6.2	6.6	6.2
Keuntungan di atas penjualan aset tetap	0.1	1.2	0.2	1.2
Pendapatan daripada pelaburan dalam Intelsat	12.8	11.2	12.8	11.2
Pendapatan daripada kegiatan latihan	4.0	6.6	4.0	6.6
Pendapatan daripada operasi bangunan	6.9	8.1	6.9	8.1
Pendapatan sewa dari kenderaan	0.3	0.8	3.6	3.9
Pendapatan dividen dari subsidiari	-	-	1.7	11.8
Pendapatan dividen dari saham disebuttharga	1.6	1.4	1.6	1.4
Pendapatan dividen dari saham tidak disebuttharga	0.2	2.3	0.2	1.1
Faedah dari subsidiari	-	-	90.9	38.6
Lain-lain pendapatan bukan kendalian	28.7	20.7	64.4	29.1
JUMLAH PENDAPATAN BUKAN KENDALIAN	75.6	73.4	218.2	133.3

4. KOS PEMBIAYAAN BERSIH

	Asing RM	1999 Domestik RM	Jumlah RM	Asing RM	1998 Domestik RM	Jumlah RM
Kos pembiayaan bagi:						
Pinjaman	314.0	162.5	476.5	296.2	140.1	436.3
Bon-bon Boleh Tukar	54.7	-	54.7	54.8	-	54.8
Lain-lain	-	8.3	8.3	-	8.3	8.3
Jumlah kos pembiayaan	368.7	170.8	539.5	351.0	148.4	499.4
Pendapatan faedah	(3.1)	(58.5)	(61.6)	(14.6)	(158.8)	(173.4)
KOS PEMBIAYAAN BERSIH SYARIKAT	365.6	112.3	477.9	336.4	(10.4)	326.0
Kos pembiayaan syarikat subsidiari	1.6	23.3	24.9	5.8	15.8	21.6
Pendapatan faedah syarikat subsidiari	(2.4)	(5.0)	(7.4)	(1.0)	(18.8)	(19.8)
JUMLAH KOS PEMBIAYAAN BERSIH KUMPULAN	364.8	130.6	495.4	341.2	(13.4)	327.8

5. CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	1999 RM	1998 RM	1999 RM	1998 RM
Cukai yang dikenakan untuk Kumpulan dan Syarikat termasuk:				
(i) Malaysia:				
Cukai tahun semasa	-	496.7	-	477.1
Berkeajaan tahun lepas	(4.5)	-	-	-
Cukai tertunda	3.5	-	-	-
	(1.0)	496.7	-	477.1
(ii) Luar negara:				
Cukai tahun semasa	3.1	1.5	-	-
Syarikat Bersekutu				
- cukai tahun semasa	61.9	92.7	-	-
- berkeajaan tahun lepas	-	60.6	-	-
	65.0	154.8	-	-
JUMLAH CUKAI	64.0	651.5	-	477.1

Tiada peruntukan dibuat untuk Cukai Pendapatan Malaysia bagi pendapatan perniagaan yang diperolehi oleh Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 1999 menurut seksyen 8 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1999.

6. DIVIDEN

	1999 RM	1998 RM
Cadangan dividen akhir sebanyak 10.0% yang dikecualikan Cukai Pendapatan Malaysia (1998:10.0% ditolak cukai).	305.0	216.0

7. PEROLEHAN SESAHAM

Perolehan dasar sesaham biasa adalah dikira dengan membahagikan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti bagi Kumpulan sebanyak RM819.1 juta (1998: RM991.1 juta) dengan purata wajaran bilangan saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun sebanyak 3,013.6 juta (1998: 2,999.0 juta).

Perolehan sesaham tidak dicairkan berasaskan kepada pengiraan bahawa kesemua Bon-bon Boleh Tukar matang 2004 ditukarkan dan kesemua opsyen yang masih belum dilaksanakan di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (Skim Opsyen) dilaksanakan pada 1 Januari 1999.

8. MODAL SAHAM

	Syarikat	
	1999 RM	1998 RM
Dibenarkan: Saham biasa bernilai RM1 sesaham Saham istimewa bernilai RM1	5,000.0 *	5,000.0 *
Diterbit dan dibayar penuh: Saham biasa bernilai RM1 sesaham Saham istimewa bernilai RM1	3,028.2 *	2,999.0 *
JUMLAH MODAL SAHAM DITERBIT DAN BERBAYAR PENUH	3,028.2	2,999.0

* RM1

- (a) Hak Istimewa Saham Keutamaan Boleh Tebus (Saham Istimewa) akan membolehkan Kerajaan melalui Menteri Kewangan memastikan keputusan utama tertentu yang melibatkan operasi Syarikat adalah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan. Pemegang Saham Istimewa, yang mana hanya Kerajaan atau wakil atau orang perseorangan yang bertindak bagi pihaknya, berhak menerima notis mesyuarat-mesyuarat tetapi tidak membawa sebarang hak untuk mengundi pada mesyuarat-mesyuarat Syarikat. Walau bagaimanapun, Pemegang Saham Istimewa berhak menghadiri dan bercakap di mesyuarat tersebut.

Perkara-perkara tertentu, khususnya, perubahan Tataurus Syarikat yang berkaitan dengan hak Pemegang Saham Istimewa, pembubaran Syarikat, sebarang perolehan dan pelupusan aset yang besar, penyatuan, penggabungan dan pengambilalihan, memerlukan persetujuan Pemegang Saham Istimewa terlebih dahulu.

Pemegang Saham Istimewa mempunyai hak untuk meminta Syarikat menebus Saham Istimewa pada harga par pada bila-bila masa. Dalam pengagihan modal semasa pembubaran Syarikat, Pemegang Saham Istimewa berhak mendapat pembayaran balik modal berbayar ke atas Saham Istimewa mendahului pembayaran balik modal kepada ahli-ahli lain. Saham Istimewa tidak mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam modal atau keuntungan Syarikat.

- (b) Pergerakan modal saham biasa yang diterbitkan:

	1999 RM	1998 RM
Pada 1 Januari	2,999.0	2,998.6
Saham yang diterbitkan di dalam tahun semasa di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja	29.2	0.4
Pada 31 Disember	3,028.2	2,999.0

Saham yang diterbitkan di dalam tahun semasa bertaraf "pari passu" dalam semua aspek berhubung dengan lain-lain saham biasa Syarikat yang sedia ada.

9. PREMIUM SAHAM - Tidak boleh diagihkan

	Syarikat	
	1999 RM	1998 RM
Pada 1 Januari	1,107.2	1,104.5
Timbul daripada saham yang diterbitkan di dalam tahun semasa di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja	271.1	2.7
Pada 31 Disember	1,378.3	1,107.2

10. RIZAB

	Kumpulan		Syarikat	
	1999 RM	1998 RM	1999 RM	1998 RM
Keuntungan Tersimpan:				
Pada 1 Januari	8,973.8	8,847.3	10,941.3	10,083.4
Keuntungan tersimpan untuk tahun semasa	514.1	775.1	1,031.4	857.9
	9,487.9	9,622.4	11,972.7	10,941.3
Pelupusan ihsan atas pengambilalihan/pelaburan tambahan:				
Syarikat-syarikat subsidiari	(104.0)	(517.2)	-	-
Syarikat-syarikat bersekutu	(173.3)	(131.4)	-	-
	(277.3)	(648.6)	-	-
Pada 31 Disember	9,210.6	8,973.8	11,972.7	10,941.3
Rizab Perubahan Pertukaran (catatan a)	(995.3)	(1,054.1)	(938.7)	(1,071.5)
JUMLAH RIZAB	8,215.3	7,919.7	11,034.0	9,869.8
Disimpan oleh:				
Syarikat	11,034.0	9,869.8		
Syarikat-syarikat subsidiari	(2,235.5)	(1,299.4)		
Syarikat-syarikat bersekutu	(583.2)	(650.7)		
	8,215.3	7,919.7		

(a) Rizab Perubahan Pertukaran (RPP) adalah dikira seperti berikut:	1999 RM	1998 RM
Baki pada 1 Januari	1,071.5	1,605.2
Jumlah bersih timbul daripada penilaian pinjaman asing dan pelaburan pada akhir tahun	102.7	(301.7)
Penulasan	(235.5)	(232.0)
Pada 31 Disember (Syarikat)*	938.7	1,071.5
Rizab timbul dari pertukaran syarikat subsidiari/bersekutu asing	56.6	(17.4)
Pada 31 Disember (Kumpulan)	995.3	1,054.1

* Rizab Perubahan Pertukaran dijangka untuk diambilkira mengikut tempoh pegangan pinjaman seperti berikut:

Jenis-jenis Pinjaman	Tarikh Matang	Baki pada 31.12.99 RM	Baki pada 31.12.98 RM
Bon-bon Boleh Tukar	2004	263.5	322.0
Nota-nota	2005	200.9	199.4
Lain-lain Pinjaman	2000 - 2012	523.7	599.5
		988.1	1,120.9
Keuntungan atas pengagihan pelaburan dalam Organisasi Satelit Antarabangsa		(49.4)	(49.4)
		938.7	1,071.5

(b) Syarikat mempunyai kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 pada 31 Disember 1999 bagi pembayaran dividen bersih sebanyak RM4,743.2 juta (1998: RM2,950.2 juta) dari jumlah rizab yang boleh diagihkan sebanyak RM11,972.7 juta (1998: RM10,941.3 juta) tanpa melibatkan cukai tambahan dan pengecualian cukai di bawah seksyen 12 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999, tertakluk kepada persetujuan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

(c) Menurut kepada Subseksyen 365 (1A) Akta Syarikat 1965, pengagihan dividen masa depan daripada keuntungan Syarikat yang tidak diagihkan bagi suatu tahun kewangan cuma boleh diisytiharkan sebanyak suatu jumlah yang tidak melebihi keuntungan selepas cukai tahun kewangan tersebut, atau tidak melebihi dividen purata yang diisytiharkan pada kedua-dua tahun kewangan sejeurus selepas tahun kewangan itu, yang mana lebih tinggi.

11. BON-BON BOLEH TUKAR

- (a) Bon-bon Boleh Tukar merupakan USD359.9 juta (1998: USD359.9 juta) Bon Euro Boleh Tukar matang 2004.
- (b) Ciri-ciri utama Bon-bon Euro adalah seperti berikut:
- (i) Kecuali ditebus atau dibeli dan dibatalkan sebelumnya, Bon-bon tersebut boleh ditukar pada atau selepas 3 November 1994 sehingga dan termasuk 26 September 2004 kepada saham biasa berbayar penuh Syarikat sebanyak RM1 sesaham pada harga tukaran permulaan sebanyak RM15.60 sesaham biasa dan dengan kadar pertukaran tetap pada RM2.5553 bersamaan USD1.
 - (ii) Kecuali ditebus, dibeli dan dibatalkan ataupun ditukar sebelumnya, setiap Bon akan ditebus pada 3 Oktober 2004 pada amaun pokok. Bon tersebut juga boleh ditebus sepenuhnya ataupun sebahagiannya oleh Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 21 Oktober 1999 pada amaun pokok, termasuk faedah terakru.
 - (iii) Bon-bon tersebut mempunyai kadar faedah sebanyak 4% setahun dibayar secara tunggakan setiap setengah tahun melalui ansuran yang sama pada 31 Mac dan 30 September setiap tahun sepanjang tempoh pegangan dan pada tarikh matang. Setiap Bon yang telah ditukar tidak lagi menikmati faedah dari tarikh pembayaran faedah yang terakhir berkuatkuasa serta merta selepas tarikh tukarmilik.
 - (iv) Bon-bon tersebut merupakan tanggungan tidak bercagar Syarikat, tertakluk kepada cagaran negatif.
- (c) Tiada bon-bon yang selebihnya telah ditebus, dibeli atau dibatalkan dalam tahun semasa.

12. PINJAMAN

	Jangka Panjang RM	1999 Jangka Pendek RM	Jumlah RM	Jangka Panjang RM	1998 Jangka Pendek RM	Jumlah RM
KUMPULAN						
Domestik						
Pinjaman dikenakan faedah:						
4.0% hingga 11.99% setahun (tidak bercagar)	1,681.3	452.1	2,133.4	1,420.2	371.5	1,791.7
12.0% dan ke atas setahun (tidak bercagar)	-	0.5	0.5	-	435.0	435.0
5.85% hingga 8.25% setahun (catatan a)	278.1	11.5	289.6	291.9	19.2	311.1
4.0% hingga 7.99% setahun (catatan c)	24.3	7.7	32.0	-	44.0	44.0
Lain-lain pinjaman (catatan b)	41.8	64.9	106.7	40.0	9.4	49.4
	2,025.5	536.7	2,562.2	1,752.1	879.1	2,631.2
Asing						
Pinjaman tanpa faedah (tidak bercagar)	6.7	1.0	7.7	7.1	0.7	7.8
Pinjaman dikenakan faedah:						
0.75% hingga 3.99% setahun (tidak bercagar)	587.0	0.5	587.5	28.6	0.5	29.1
4.0% hingga 11.99% setahun (tidak bercagar)	1,372.2	8.0	1,380.2	2,020.9	72.1	2,093.0
4.0% hingga 6.0% setahun (catatan c)	42.9	1.3	44.2	60.2	11.2	71.4
Nota dan debentur (tidak bercagar) (catatan d)	1,903.3	-	1,903.3	1,492.2	-	1,492.2
Lain-lain pinjaman (catatan b)	224.4	-	224.4	228.0	-	228.0
	4,136.5	10.8	4,147.3	3,837.0	84.5	3,921.5
JUMLAH PINJAMAN BAGI KUMPULAN	6,162.0	547.5	6,709.5	5,589.1	963.6	6,552.7

12. PINJAMAN (Sambungan)

	Jangka Panjang RM	1999 Jangka Pendek RM	Jumlah RM	Jangka Panjang RM	1998 Jangka Pendek RM	Jumlah RM
SYARIKAT						
Domestik						
Pinjaman dikenakan faedah: 4.0% hingga 11.99% setahun (tidak bercagar)	1,757.2	87.6	1,844.8	1,444.3	81.4	1,525.7
5.85% hingga 8.25% setahun (catatan a)	278.1	11.5	289.6	291.9	19.2	311.1
	2,035.3	99.1	2,134.4	1,736.2	100.6	1,836.8
Asing						
Pinjaman tanpa faedah (tidak bercagar)	6.7	1.0	7.7	7.1	0.7	7.8
Pinjaman dikenakan faedah: 1.5% hingga 3.99% setahun (tidak bercagar)	552.7	0.5	553.2	10.3	0.5	10.8
4.0% hingga 11.99% setahun (tidak bercagar)	1,332.0	1.8	1,333.8	1,990.3	72.1	2,062.4
Nota dan debentur (tidak bercagar) (catatan d)	1,903.3	-	1,903.3	1,492.2	-	1,492.2
Lain-lain pinjaman (catatan b)	224.4	-	224.4	228.0	-	228.0
	4,019.1	3.3	4,022.4	3,727.9	73.3	3,801.2
JUMLAH PINJAMAN BAGI SYARIKAT	6,054.4	102.4	6,156.8	5,464.1	173.9	5,638.0
KUMPULAN						
Pinjaman-pinjaman akan dibayar balik seperti berikut:						
Dibayar balik dalam tempoh dua belas bulan	536.7	10.8	547.5	879.1	84.5	963.6
Selepas satu tahun dan sehingga lima tahun	978.1	2,940.1	3,918.2	805.0	2,297.9	3,102.9
Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun	58.2	446.2	504.4	112.4	781.9	894.3
Selepas sepuluh tahun dan sehingga lima belas tahun	-	8.4	8.4	-	15.7	15.7
Selepas lima belas tahun	989.2	741.8	1,731.0	834.7	741.5	1,576.2
	2,562.2	4,147.3	6,709.5	2,631.2	3,921.5	6,552.7
SYARIKAT						
Pinjaman-pinjaman akan dibayar balik seperti berikut:						
Dibayar balik dalam tempoh dua belas bulan	99.1	3.3	102.4	100.6	73.3	173.9
Selepas satu tahun dan sehingga lima tahun	987.9	2,888.6	3,876.5	635.0	2,237.5	2,872.5
Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun	58.2	384.2	442.4	112.4	742.7	855.1
Selepas sepuluh tahun dan sehingga lima belas tahun	-	4.5	4.5	-	6.2	6.2
Selepas lima belas tahun	989.2	741.8	1,731.0	988.8	741.5	1,730.3
	2,134.4	4,022.4	6,156.8	1,836.8	3,801.2	5,638.0

12. PINJAMAN (Sambungan)

- (a) Dicagar dengan cara penyerahan hakmilik harta berkaitan dengan pinjaman perumahan kakitangan.
- (b) Merupakan pinjaman-pinjaman di bawah kaedah perbankan Islam.
- (c) Dicagar dengan cara kenaaan tetap terhadap harta-harta syarikat subsidiari.
- (d) Terdiri daripada USD200.0 juta 7.125% Nota matang 2005 dan USD300.0 juta 7.875% Debentur matang 2025. Di sepanjang tahun, terdapat terbitan baru sebanyak USD100.0 juta jaminan kadar terapung debentur matang 2006 dengan faedah di sepanjang tahun ini di antara 7.22% dan 8.58%.

(e) Tukar Ganti Jangka Panjang

Tanggungjawab

Debentur 30 tahun bernilai USD300.0 juta

Pada tahun 1998, Syarikat menandatangani perjanjian Tukar Ganti Jangka Panjang yang akan matang pada 1 Ogos 2025.

Instrumen Lindungnilai

Syarikat telah membuat bayaran sebanyak USD5.0 juta dan dikehendaki membayar jumlah yang ditetapkan sebanyak JPY209.9 juta dua kali setahun pada 1 Februari dan 1 Ogos, sehingga dan termasuk pada 1 Ogos 2025.

Sebelum 1 Februari 2004, pihak-pihak yang menyertai urusan tukar ganti berkenaan tidak harus bersetuju terhadap sebarang permintaan penamatan urusniaga oleh Syarikat. Bermula dari 1 Februari 2004, Syarikat mempunyai hak untuk menamatkan urusniaga tersebut pada kadar yang dipersetujui bersama pihak-pihak yang menyertai urusan tukar ganti berkenaan. Walau bagaimanapun, Syarikat berhasrat untuk meneruskan kontrak sehingga tempoh matangnya.

